



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

LAPORAN AKTIVITI EXCEL

SEMINAR CELIK AL-QURAN: OH MY FATIHAH!

Nama: Ahmad Zulhakim Bin Zainal

Matrik: A19EC0179

Program: 2SECP

Penasihat Akademik: Prof. Dr. Azlan Bin Mohd Zain

Maklumat Aktiviti

1. Tarikh: 17 April 2021
2. Tempat: Google Meet
3. Penganjur: Persatuan Mahasiswa Islam (PMI)
4. Jawatan: Peserta

Atribut Siswazah

1. Kesarjanaan

Laporan Mini

Pada 17 April 2021, Persatuan Mahasiswa Islam (PMI) telah menganjurkan suatu program “Seminar Celik Al-Quran: Oh My Fatihah!” bersempena Kongres Anak Muda Islam Sejahtera (K.A.M.I.S).

Dikelola oleh dua orang panel, panel pertama iaitu Ustaz Panji Alam Bin Mazhisham (Pegawai Hal Ehwal Islam), dan panel kedua iaitu Ustaz Mohd Yusoff Bin Mohd Rawi (Pembantu Hal Ehwal Islam Kanan & Imam Masjid Sultan Ismail), tetapi malang sekali beliau tidak dapat hadir atas sebab tertentu. Program ini bertujuan untuk memupuk minat dalam kalangan peserta untuk menambah ilmu pengetahuan khususnya dalam hal ukhrawi dengan mempelajari cara bacaan surah Al-Fatihah dengan betul, mempelajari tajwid / kesalahan lazim dalam surah Al-Fatihah, dan menimbulkan kesedaran tentang kepentingan tajwid dalam bacaan Al-Fatihah. Seterusnya, program ini telah berlangsung selama dua jam setengah, bermula pada pukul 9.00 pagi sehingga 11:30 pagi di platform Google Meet.

Atur cara program ini bermula dengan kata-kata aluan daripada Ustaz Panji Alam serta perkongsian mengenai kepentingan pembacaan surah Al-Fatihah yang betul bagi umat Islam. Sesi diteruskan dengan syarahan mengenai hukum bacaan tajwid yang terdapat dalam setiap baris surah Al-Fatihah oleh panel majlis. Setelah itu, para peserta diberikan pencerahan mengenai kesalahan-kesalahan yang sering dilakukan serta kaedah wasal dan ibtida' yang betul semasa membaca Al-Fatihah. Dan sudah pasti tidak lengkap sesuatu majlis tahsin bacaan, tanpa memperdengarkan para peserta dengan bacaan surah Al-Fatihah yang betul oleh guru, dan diikuti bacaannya oleh para peserta sambil disemak oleh guru.

Refleksi Diri: Bagaimana Aktiviti Ini Menyumbang kepada Pembangunan Atribut Siswazah?

1. Kesarjanaan

Pada pendapat saya, program ini sangat bermanfaat khususnya bagi muslim kerana dapat menambah dan memperkembangkan lagi ilmu agama yang sedia ada dalam diri. Hal ini menjadi lebih baik apabila ilmu yang dituntut itu adalah terdiri daripada ilmu fardu ain yang menjadi kewajipan bagi setiap muslim untuk mengetahuinya. Sedia maklum bahawa bacaan surah Al-Fatihah termasuk dalam rukun solat yang sekiranya seseorang individu itu tidak lakukan dengan betul, boleh menyebabkan solatnya tidak sah dan ibadahnya menjadi sia-sia. Seorang muslim yang bijak sudah pasti tidak mahu perkara sedemikian berlaku dan akan berusaha mencari peluang untuk memperkembangkan lagi ilmu mereka agar ibadah mereka diterima oleh Allah.

Di samping itu, saya lihat inisiatif yang dilakukan oleh PMI ini adalah sangat baik kerana para siswazah berpeluang untuk menuntut ilmu agama, meskipun berhadapan dengan pelbagai kekangan sewaktu pandemik ini. Saya berpegang dengan kata-kata bahawa manusia perlu seimbangkan antara perkara dunia dan ukhrawi bagi memperoleh kesejahteraan. Maka peluang yang diberikan oleh pihak PMI amat saya hargai dan berharap lebih banyak program yang sedemikian rupa dapat saya sertai lagi pada masa akan datang.

Poster dan Sijil Penyertaan



Gambar 1: Poster program "Seminar Celik Al-Quran: Oh My Fatihah!"



Gambar 2: Sijil Penyertaan bagi program "Seminar Celik Al-Quran: Oh My Fatihah!"